

PERANGI IDEOLOGI GANAS: APAKAH ADA PENGHUJUNGNYA?

Sekali lagi, masyarakat Singapura dikejutkan dengan berita penangkapan tiga anak muda di kalangan warga Singapura kerana penglibatan mereka dalam perbuatan yang menjurus kepada penganasan.

Mengapakah ancaman ini berterusan walaupun bermacam-macam usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak? Antaranya pihak pemerintah telah mengenakan perintah tahanan kepada mereka yang terlibat. MUIS, RRG serta beberapa kumpulan Melayu-Islam telah melakukan kerja mendekati masyarakat, dengan tumpuan diberikan kepada kelompok belia.

Namun, kita harus akur bahawa sememangnya masalah penganasan serta ideologi songsang ini merupakan masalah rumit yang pasti memakan masa yang sangat lama untuk dihapuskan.

Ini disebabkan beberapa perkara. Pertama, ideologi adalah masalah dalaman yang jika tidak dizahirkan, sememangnya sukar untuk dikesan. Namun, jika ia telah sampai ke tahap di mana mereka telah sanggup untuk melakukan sesuatu, ini bermakna ia telah menjadi sebuah pegangan atau prinsip yang telah tertanam di dalam jiwa sanubari sekian lama, telah sehati dan tidak mudah disingkirkan.

Kedua, pergolakan dan permasalahan umat Islam semakin ketara dan meruncing di merata dunia. Ini diburukkan lagi dengan usaha-usaha segelintir pihak untuk memusuhi Islam seperti penyiaran kartun Nabi Muhammad dan yang terbaru, video seorang ahli politik Belanda yang menghina Al-Quran.

Perkara-perkara sedemikian menjadi hujah yang kukuh untuk pihak penganas menyebarkan propaganda mereka serta merekrut pengikut.

Ketiga, para penganas merupakan satu kumpulan yang pintar dan mampu menggunakan teknologi yang terkini untuk memenuhi hasrat dan cita-cita mereka. Mereka juga licik dalam

mengatur dan menukar strategi mereka mengikut perubahan masa dan keadaan.

Satu kebersamaan yang terserlah di antara ketiga yang ditahan dengan Abdul Basheer yang di tahan pada tahun lalu adalah usia mereka yang muda belia. Kita sedia akur pada usia begini, seseorang itu selalunya bersikap idealistik iaitu bersemangat dan sangat bercita-cita untuk mewujudkan dunia yang lebih sempurna dan lebih baik.

Pada usia begini juga, individu-individu mula mencari kesempurnaan dalam diri mereka dan salah satu caranya adalah dengan menghayati agama mereka dengan lebih baik dan mendalam.

Namun, gandingan kecekan ilmu agama serta semangat yang meluap-luap untuk menjadi Muslim yang baik serta membela Islam ini adalah formula yang sangat merbahaya. Ia boleh menjerumuskan para remaja ini ke kancah pelampauan dan pengganasan jika mereka tidak bersikap hati-hati dan mudah dipengaruhi.

Mereka yang terlibat dalam ideologi ganas berpunca dari banyak sebab. Setiap individu mempunyai sebab dan pengalaman serta latarbelakang yang berbeza. Antara yang menyebabkan seseorang itu menjadi radikal adalah:-

Terpengaruh dengan ajakan dan fahaman kumpulan pelampau di Internet

Kurang atau tidak mantap asas agama sehingga mudah terpengaruh dan ambil bulat-bulat segala ajaran pelampau

Ketidakpuasan terhadap fenomena global yang melibatkan penindasan dan pembunuhan orang Islam

Kejahilan akan ideologi pelampau di Internet dan tidak rujuk kepada pihak yang bertaualiah untuk mendapatkan penjelasan

Biasanya mereka yang terpengaruh ini tidak belajar agama secara formal.

Perang ideologi harus diteruskan dengan lebih gigih dan dedikasi. Kita harus terus berusaha menyedarkan kepentingan perang ideologi ini kepada pihak-pihak terlibat, terutamanya yang berterusan melakar strategi untuk menghapus atau memenjarakan sahaja tahanan-

tahanan tanpa ada usaha untuk merubah minda dan tanggapan para tahanan.

Tercetusnya pencerobohan ke atas Iraq pada tahun 2003 merupakan satu tamparan berat kepada perang ideologi. Antaranya ia telah menjadikan Iraq sebagai medan perjuangan sama seperti Afghanistan satu ketika dahulu.

Oleh itu, Iraq dipercayai menjadi sarang bagi para pengganas untuk berkumpul, bertukar pendapat dan kemahiran serta menaikkan semangat juang mereka. Oleh itu, penyelesaian kepada crisis di Iraq adalah satu perkara terpenting untuk meredakan iklim pengganasan di merata dunia.

Usaha masyarakat Islam Singapura untuk memulihkan para tahanan Jemaah Islamiyah (JI) dan mendidik masyarakat selama ini adalah satu usaha yang dipuji. Pelbagai usaha mendekati remaja dan pelajar juga telah giat diadakan memandangkan seriusnya fenomena ini.

Kita telah banyak belajar dari pengalaman-pengalaman yang lalu. Episod JI dan pengangkatan Abdul Basheer pada tahun lalu telah banyak memberi pelajaran pada kita. Namun, memandang fenomena ini adalah sesuatu yang berterusan, lebih banyak usaha yang harus kita pertingkatkan.

Namun, dengan penangkapan terbaru ini jelas menunjukkan bahawa usaha memerangi ideologi ganas masih jauh lagi dari kejayaan. Apakah yang harus dilakukan seterusnya. Antara pendekatan yang dapat diambil ialah:-

Mengadakan kajian khusus dan mendalam untuk mengkaji bagaimana golongan muda mudah terpengaruh dengan fahaman radikal. Ini adalah sesuatu yang penting dan belum dilakukan di sini. Bagaimanakah kita hendak menangani masalah ini tanpa memiliki cara dan pengetahuan yang khusus?

Meningkatkan lagi kesedaran akan bahayanya ideologi ganas di seluruh peringkat pendidikan iaitu sekolah rendah, menengah, para-universiti, siswazah dan selanjutnya. Dengan adanya penerangan, dialog dan perbincangan dengan setiap golongan ini, barulah dapat kita memahami pemikiran dan kecenderungan mereka dalam isu-isu agama dan

politik

Mewujudkan lagi laman-laman web yang berbentuk anti fahaman radikal.. Ini sangat berkurangan dibandingkan dengan jumlah laman-laman ekstrimis yang wujud di alam siber. Laman seperti RRG, MUIS dan blog Ust Muhammad Haniff tidak mencukupi. Apa yang lebih penting adalah laman-laman tersebut haruslah menarik dan mampu menarik perhatian golongan remaja contohnya laman yang dipenuhi dengan banyak ilustrasi, gambar, video, permainan dan sebagainya.

Usaha penting yang belum dilakukan sebelum ini adalah bagaimana pakar teknologi dapat mewujudkan satu sistem atau cara agar laman-laman ini dapat dihakis dan ditutup agar ianya tidak dapat dilungsur oleh golongan remaja.

Akhir sekali, cara yang paling baik untuk menangani masalah ini adalah pendidikan. Usaha-usaha pendidikan tentang bahayanya fahaman radikal di setiap peringkat dan lapisan masyarakat dengan harus digiatkan dan menggunakan segala platform yang ada. Di samping itu, kita harus menekankan kebolehan untuk berfikir secara kritikal serta tidak gampang untuk menerima sahaja sebarang maklumat yang diberikan.

Fenomena perpengaruh dengan fahaman radikal secara sendiri kini menjadi ancaman utama bagi masyarakat kita. Ancaman penganasan mungkin berkurangan, tetapi ancaman fahaman radikal ini jelas meningkat. Kita telah berjaya menumpaskan rangkaian kumpulan penganas Jemaah Islamiyah di negara ini. Namun, ideologi ganas yang disebarkan oleh kumpulan penganas dan pelampau di luar negara luas tersebar di Internet.

Amat penting untuk kita menilai usaha-usaha kita selama ini. Kita harus bergerak mengikut keadaan dan perubahan. Kelihatan, tren penganasan seperti ini belum menemukan penghujungnya. Namun, walaupun perjalanan masih jauh dan sukar, ini tidak bermakna kita harus cepat berputus asa atau mengaku kalah. Masih banyak usaha-usaha baru yang boleh kita terokai di samping memperbaiki dan melipatgandakan usaha-usaha yang sedia ada.

Yang jelas, yang bulat tak datang bergolek, yang pipih tak datang melayang. Kejayaan itu tidak akan datang hanya dengan kita berpeluk tubuh, menuding jari antara satu sama lain serta mudah berputus asa.

Ia memerlukan komitmen dari segenap lapisan masyarakat. bukan untuk sehari dua, tetapi

untuk jangka masa yang panjang. Ini hanya akan dapat dikecapi dengan persiapan mental yang teguh serta semangat yang kental dan bersepadu agar kita dapat mengharungi setiap permasalahan dengan cara yang terbaik mungkin.

Yang terpenting, setiap dari kita harus menanam sifat ingin membela kemurnian ajaran Islam yang bersifat kasih sayang serta berganding bahu mewujudkan suasana negara yang aman sentosa dan selamat untuk didiami semua.